

NO. SOALAN: 94

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HJ. NASARAH

RUJUKAN : 9725

SOALAN:

Dato' Shamsul Anuar Bin Hj. Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah bentuk kegiatan jenayah yang melibatkan kanak-kanak berlaku di dalam negara dan adakah Kementerian telah mengenal pasti sindiket-sindiket yang menggunakan kanak-kanak sebagai peminta sedekah.

JAWAPAN:

Kementerian melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memberi perhatian khusus berkaitan jenayah melibatkan kanak-kanak. Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) telah mendefinisikan kanak-kanak sebagai:

- i. individu di bawah umur 18 tahun; dan**
- ii. individu yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan di bawah Seksyen 82 Kanun Keseksaan.**

Pembabitkan kanak-kanak dalam aktiviti jenayah melibatkan jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Statistik kesalahan-kesalahan jenayah indeks melibatkan kanak-kanak mengikut kategori umur dari tahun 2014 hingga 2016 adalah seperti berikut:

PENGLIBATAN (JUVANA) DALAM JENAYAH INDEKS MALAYSIA 2014

KESALAHAN	PECAHAN UMUR			
	UMUR	UMUR	UMUR	UMUR
	7-10 TAHUN	11 - 12 TAHUN	13 - 15 TAHUN	16 - 18 TAHUN
<u>JENAYAH KEKERASAN</u>				
BUNUH	0	0	16	63
ROGOL	0	3	160	588
SAMUN BERKAWAN BERSENJATA API	0	0	0	0
SAMUN BERKAWAN TANPA BERSENJATA API	0	1	161	784
SAMUN BERSENJATA API	0	0	0	0
SAMUN TANPA SENJATA API	0	0	18	141
MENCEDERAKAN	0	1	209	762
JUMLAH	0	5	564	2,338
<u>JENAYAH HARTA BENDA</u>				
CURI	7	33	508	1,281
CURI MOTOKAR	0	0	31	160
CURI MOTOSIKAL	1	21	941	2,147
CURI VAN/LORI/BERAT	0	0	8	16
CURI RAGUT	0	0	28	85
PECAH RUMAH	8	21	301	789
JUMLAH	16	75	1,817	4,478
JUMLAH KESELURUHAN	16	80	2,381	6,816

PENGLIBATAN (JUVANA) DALAM JENAYAH INDEKS MALAYSIA 2015

KESALAHAN	PECAHAN UMUR			
	UMUR 7-10 TAHUN	UMUR 11 - 12 TAHUN	UMUR 13 - 15 TAHUN	UMUR 16 - 18 TAHUN
<u>JENAYAH KEKERASAN</u>				
BUNUH	0		19	50
ROGOL	1	4	144	525
SAMUN BERKAWAN BERSENJATA API	0			
SAMUN BERKAWAN TANPA BERSENJATA API	0	2	133	743
SAMUN BERSENJATA API	0			
SAMUN TANPA SENJATA API	0		20	130
MENCEDERAKAN	3	8	139	608
JUMLAH	4	14	455	2,056
<u>JENAYAH HARTA BENDA</u>				
CURI	8	38	440	1,183
CURI MOTOKAR	0	1	21	184
CURI MOTOSIKAL	1	33	730	1,870
CURI VAN/LORI/BERAT	0		4	15
CURI RAGUT	0	1	23	77
PECAH RUMAH	5	20	276	675
JUMLAH	14	93	1,494	4,004
JUMLAH KESELURUHAN	18	107	1,949	6,060

PENGLIBATAN (JUVA) DALAM JENAYAH INDEKS MALAYSIA 2016

KESALAHAN	PECAHAN UMUR			
	UMUR 7-10 TAHUN	UMUR 11 - 12 TAHUN	UMUR 13 - 15 TAHUN	UMUR 16 - 18 TAHUN
<u>JENAYAH KEKERASAN</u>				
BUNUH	0	1	16	70
ROGOL	2	7	142	540
SAMUN BERKAWAN BERSENJATA API	0	0	0	0
SAMUN BERKAWAN TANPA BERSENJATA API	0	3	77	658
SAMUN BERSENJATA API	0	0	0	0
SAMUN TANPA SENJATA API	0	0	20	107
MENCEDERAKAN	0	11	180	692
JUMLAH	2	22	435	2,067
<u>JENAYAH HARTA BENDA</u>				
CURI	9	38	450	1,179
CURI MOTOKAR	0	0	25	139
CURI MOTOSIKAL	1	46	759	1,849
CURI VAN/LORI/BERAT	0	0	1	9
CURI RAGUT	0	1	19	63
PECAH RUMAH	5	20	208	638
JUMLAH	15	105	1,462	3,877
JUMLAH JENAYAH INDEKS	17	127	1,897	5,944

Dalam menangani masalah kutipan derma dan eksploitasi manusia terutamanya kanak-kanak dan warga kelainan upaya, satu pasukan petugas khas telah ditubuhkan yang diketuai oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan dianggotai oleh PDRM, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Jabatan Peguam Negara, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Agensi Anti

Dadah Kebangsaan, Jabatan Imigresen Malaysia, PLUS Malaysia Berhad, Petronas Services dan Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia.

Statistik tangkapan oleh PDRM terhadap peminta sedekah termasuk kanak-kanak bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

**STATISTIK TANGKAPAN INDIVIDU DEWASA SEBAGAI PEMINTA SEDEKAH
BAGI TAHUN 2016**

Bil.	Bangsa	Jumlah tangkapan	Pecahan Tangkapan	
			Lelaki Dewasa	Perempuan Dewasa
1	Melayu	11	7	4
2	Cina	4	4	0
3	India	9	3	6
Jumlah		24	14	10

**STATISTIK KANAK-KANAK YANG MENJADI MANGSA
SEBAGAI PEMINTA SEDEKAH BAGI TAHUN 2016**

Bil.	Bangsa	Jumlah Mangsa	Pecahan mangsa			
			Lelaki		Perempuan	
			3-17	Bayi 0-2	3-17	Bayi 0-2
1	Melayu	24	7	0	17	0
2	Cina	0	0	0	0	0
3	India	6	4	0	2	0
Jumlah		30	11	0	19	0

Siasatan PDRM mendapati bahawa mereka yang ditangkap tidak melibatkan sindiket atau agen-agen yang menggunakan kanak-kanak sebagai peminta sedekah tetapi terdiri daripada ahli keluarga terdekat kanak-kanak berkenaan yang hidup dalam kesusahan dan mencari pendapatan dengan cara meminta sedekah.